

Majlis Perundingan tambah wakil belia

BH 23 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Perundingan Belia Negara hari ini meluluskan pindaan perlembagaannya yang antara lain menyaksikan pertambahan wakil belia dalam majlis itu.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammudin Hussein berkata, pertambahan daripada 10 kepada 20 wakil turut membuka peluang wakil parti pembangkang dan nertubuhan bukan kerajaan (NGO), bagi memastikan suara dan hak 9.8 juta golongan muda mendapat pembelaan sewajarnya.

"Pertambahan ini penting dalam meningkatkan peranan dan fungsi majlis dengan mengambil kira idea pembangunan dan pembelaan diri belia di negara ini," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara, di sini, hari ini.

Beliau berkata, selain pelantikan 20 perwakilan belia, majlis itu juga bersetuju menambah pakar rujuk daripada tiga kepada lima orang bertujuan meningkatkan kecekapan majlis menyelesaikan masalah belia.

Hishammuddin berkata, dalam persidangan itu juga lima jawatankuasa kerja ditubuhkan bertujuan mengatasi gejala sosial iaitu Jawatankuasa Pengupayaan Pertubuhan Belia, Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial Belia, Jawatankuasa Pendidikan dan Hal-Ehwal Pelajar, Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi Belia dan Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia.

Katanya, pengerusi lima jawatankuasa itu akan ditentukan

oleh Sekretariat Majlis yang dipengerusikan Ketua Pengarah Belia kementerian berkenaan, Datuk Raja Ruslan Raja Samah.

Beliau berkata, sejajar dengan status majlis itu yang kini dinaikkan tarafnya sama dengan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen), segala pelaksanaan jawatankuasa terbabit akan dipengerusikan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Katanya, pengiktrafan itu bermakna, suara belia kini dapat diberi perhatian dan dide-ngar dengan segala maklum balas serta cadangan majlis akan dipertimbang pada peringkat Kabinet.

Hishammuddin yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno berkata, majlis itu juga akan bermesyuarat dua kali tahun ini (Oktober dan Disember).

"Saya menyeru kepada semua pihak untuk mengetepikan fahaman sempit pertubuhan, peribadi atau politik supaya kita dapat membincangkan isu belia dengan jujur dan ikhlas.

"Kami akan men'emput mereka (pembangkang menyertai persidangan majlis ini, tetapi itu terpulang kepada mereka sama ada akan menerima pelawaan kami. Jika mereka tidak bersetuju pun, kami akan tetap meneruskan agenda murni ini," katanya.

Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara hari ini dihadiri oleh 108 wakil belia di bawah gabungan Majlis Belia Malaysia, selepas lebih dua setengah tahun majlis itu tidak bersidang.